



جَاهَنْ مُفْتَحٌ كُلِّ جَاهَنْ

JABATAN MULFI KERAJAAN
JABATAN PEMERINTAH MENTERI
NEGERIA DILINDUNG DARUSSALAM



Kebawah DYMM Berangkat Ke Majlis Perhimpunan & Perarakan Maulud Nabi

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat bercemar duli menerima junjung ziarah ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian di Perhimpunan dan Perarakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam, di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli bersama rakyat dan penduduk negara ini bagi meraikan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam bagi tahun 1422 Hijriah.

(Bersambung ke muka 20)

Safar 1421 - Rabiulakhir 1422
April - Jun 2001
Tahun 5 Bilangan 2

Menarik Di Dalam :

- 3 Segera Melangkah Untuk Sampai Kepada Pertolongan Allah
- 4 Menggunakan Pelalian Pada Ayam Selepas Disembelih
- 8 Mengapa Isteri Perlu Melayan Suami

13 Berhutang Senang Membayar Susah

15 Distribution of Inheritance in Accordance with Fara'idh Law

17 Pendeta Yahudi Memeluk Islam

ISLAM AGAMA UNIVERSAL



Al-Hadaf Tahun 5 Bil: 2 • Safar 1421 - Rabiulakhir 1422 / April - Jun 2001

Islam adalah agama sejagat. Agama universal yang tidak dibatasi oleh sempadan dunia. Tidak ada yang tertinggal daripada segenap penjuru dan aspek kehidupan yang tidak disentuh oleh ajaran Islam yang dibawa oleh junjungan kita Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*.

Memang benar dan tidak diragukan lagi sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* pada 12 Rabiuulawal, 1422 yang lalu yang menegaskan bahawa: "Adalah tidak benar sama sekali, syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* itu hanya sesuai untuk zaman Baginda saja. Tetapi ia ialah meliputi untuk segala zaman, di mana ini, telahpun mula diakui oleh para sarjana dan penyelidik bukan Islam."

Islam telah bertapak di muka bumi ini sejak lebih seribu empat ratus tahun, dan selama itu pula ia telah berkembang ke segenap pelusuk muka bumi ini dicelah celah kehidupan dan peradaban umat manusia dengan tidak mengira warna kulit dan status sosialnya. Ia dikembangkan dan disebarluaskan atas tanggungjawab umat Islam sendiri terhadap agama Allah ini. Ia adalah kewajiban murni yang mesti ditunaikan oleh setiap individu Islam.

Semakin sehari, Islam semakin diterima dan diakui oleh umat manusia di luar Islam, terutama bila tamadun dan kemajuan yang dibawa oleh dunia kini tidak dapat memberikan jawapan dan alternatif kehidupan yang aman, damai dan harmoni seperti yang digariskan oleh ajaran Islam yang sebenarnya. Islam jauh di sudut ajarannya adalah anti kepada perperangan, pergaduhan, pembunuhan,

penganiayaan, penindasan dan sebagainya. Hanya saja apa yang dilihat sekarang, seperti kemelut yang menimpa di setengah negara Islam adalah disebabkan oleh adanya pengaruh di luar Islam yang suka melihat dan memprovokasi adanya kekacauan di kalangan Islam dan umat Islam. Sesungguhnya ia bukan dari ajaran Islam yang sebenar!

Islam adalah agama yang cintakan keamanan, perdamaian dan keharmonian hidup umatnya, baik di dunia maupun di akhirat. Tanpa perlu menonjolkan banyak contoh daripada keagungan Islam itu, misalnya dalam mencari modal persaudaraan sejagat umat manusia, A.J. Toynbee seorang sejarawan Barat sendiri menawarkan tradisi Islam itu kepada dunia sebagai jawapan mengatasi kegelisahan hidup umat manusia. Ia menulis:

"Sekarang, dalam sebuah dunia di mana jarak telah dimusnahkan oleh kemajuan teknologi Barat, dan di mana cara hidup Barat sedang bertarung dengan cara hidup Rusia untuk (merebut) kesetiaan seluruh umat manusia, maka tradisi Islam tentang persaudaraan manusia tampak merupakan ideal yang lebih baik bagi memenuhi keperluan sosial zaman...."

Ini adalah salah satu pengakuan daripada seorang penulis besar Barat yang turut mengagumi Islam dan ajarannya. Ia merupakan bukti jelas yang tidak dapat disembunyikan lagi. Kita umat Islam bukan saja harus bangga hidup sebagai seorang Muslim, malah kita mestilah terus mendukung dan mengangkat harakat dan martabat Islam itu dengan seluruh jiwa raga kita. Inilah juga bukti di mana bila Islam difahami secara benar dan kreatif, ia tidak diragukan lagi dan sememangnya mempunyai potensi dan kekuatan untuk dijadikan sebagai peradaban alternatif yang unggul bagi dunia seluruhnya.

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran.

PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha

PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin
Awang Haji Alias bin Pengarah Haji Jali
Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Awang Haji Duraman bin Haji Kula
Awang Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak
Dayang Hajah Sufiyah binti Haji Tuah
Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal

URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

*Terima Kasih
atas ehsan Foto
kepada:
Jabatan Persekitaran
Jabatan Perdana Menteri,
dan
Pusat Da'wah Islamiyah
Kementerian Hal Ehwal Ugama.*

PERINGATAN

**Jagalah suratberita ini
dengan baik dan cermat,
kerana ia mengandungi
ayat-ayat al-Qur'an dan
hadis Nabi
*Sallallahu 'alaihi wasallam***

Segera Melangkah Untuk Sampai Kepada Pertolongan Allah

.....Titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyeru umat Islam di negara ini supaya segera melangkah dan mengambil jalan sendiri untuk sampai kepada pertolongan Allah, iaitu dengan menagih redhaNya.

Menurut baginda rahmat Allah itu hanya ada pada tempat-tempat yang terhormat, bersih lagi mulia, tidak ada syirik, dan tidak ada mungkar.

“Jika kita mahukan rahmat, ingin supaya rumah dan negara kita dipenuhi dengan rahmat, maka caranya ialah, kita isi ia dengan segala kebajikan, dan jangan sekali-kali kita undang apa saja jenis dan rupa kemungkaran, Insya Allah kita akan selamat dan negara juga selamat.” - Titah baginda

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* bagi tahun 1422 Hijriah yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada malam 12 Rabiulawal, 1422 bersamaan 4 Jun, 2001.

Dalam titah tersebut baginda menyeru umat Islam agar



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menggunakan titah sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam 1422 Hijriah.

memenuhi masa dengan perkara-perkara yang direhui oleh Allah. Banyakkan usaha dan rancangan ke arah itu, supaya bertambah-tambah lagi rahmat dan berkat yang kita perolehi.

Seterusnya baginda bertitah: *“Apabila rahmat dan berkat menjadi milik kita, maka tidak ada lagi yang perlu dibimbangkan. Kerana semua ini merupakan asset dan jambatan yang mampu untuk menyampaikan kita kepada apa saja yang kitakehendaki berupa keamanan, keselamatan dan kemakmuran.”*

Bersempena dengan hari yang agung ini juga, Kebawah Duli

Yang Maha Mulia menyeru umat Islam supaya mengasuh azam untuk mencontohi dan mengikut apa-apa juar yang pernah diajar dan dibuat oleh baginda Rasullullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dalam perkara-perkara ibadat, dakwah mahupun pentadbiran negara.

“Adalah tidak benar sama sekali, syari'at yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam itu hanya sesuai untuk zaman baginda saja, tidak! Tetapi ia adalah meliputi untuk segala zaman, di mana ini telahpun mula diakui oleh para sarjana dan penyelidik bukan Islam”.

MENGGUNAKAN PELALIAN PADA AYAM SELEPAS DISEMBELIH

Soalan:

Dengan penuh hormat suka cita kaola menghadapkan surat mengenai penggunaan pelalian (*special tranquilizer system*) terhadap ayam selepas disembelih.

Untuk makluman pihak Pehin, penggunaan sistem tersebut adalah bagi mengurangkan kerosakan pada sayap-sayap ayam yang baru saja disembelih. Ini adalah memandangkan ayam yang baru disembelih akan menggeleparkan sayapnya dan ini akan menyebabkan sayap-sayap ayam tersebut rosak dan tidak dapat dijual dengan harga biasa. Mutunya menurun dan akan dijual dengan harga yang rendah.

Dengan adanya sistem ini, ayam yang selepas disembelih akan menjadi ‘lali’ dan tidak membuat pergerakan yang kuat. Sistem ini menggunakan tenaga elektrik dan ia dipasang di sebelah penyembelih.

Kami harap Pehin dapat menjelaskan kedudukan sistem ini, adakah ianya boleh digunakan tanpa menjelaskan kehalalan penyembelihan tersebut.

Jawapan:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّبِّ الْعَظِيْمِ الْفَتَّاحِ الْوَهَابِ الْهَادِيِّ إِلَى
الْحُقْقِ وَالصَّوَابِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى رَسُولِهِ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَرَسُولِهِ، وَاللّٰهُ
وَصَحِيْهُ أَشْجَعُيْنَ، وَبَعْدُ

Kehalalan binatang darat yang boleh dimakan ialah dengan menyembelihnya dan binatang seperti ini ada dua macam keadaannya iaitu:

- Binatang yang mudah disembelih.
- Binatang yang susah disembelih.

Sehubungan dengan binatang yang

mudah disembelih ini, maka rukun-rukunnya ada empat perkara iaitu:

- Berlakunya sembelihan.
- Yang menyembelih.
- Yang disembelih.
- Alat penyembelih. (*Fath Al-Wahhab* h. 226)

Yang dimaksudkan dengan rukun pertama, (iaitu berlakunya sembelihan), ialah dengan sengaja memutuskan halkum (saluran makanan di leher) dan *mari'* (saluran pernafasan di leher). Adapun urat-urat *wajdajain* (dua urat yang terdapat di kiri dan kanan leher) binatang tidak semestinya putus, tetapi adalah sunat memutuskannya bersama.



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

Rukun kedua, ketiga dan keempat ialah supaya yang menyembelih itu orang Islam dan yang disembelih itu pula adalah binatang yang halal dengan alat yang dibenarkan oleh syariah.

Dalam ertikata bahawa binatang halal yang mudah dan dapat disembelih, adalah halal jika halkum dan *mari'*nya sudah diputuskan (disembelih) oleh orang Islam.

Walaupun begitu, masih ada lagi persyaratan lain supaya ia halal, di antaranya ialah: Tidak berlaku sesuatu yang boleh membantu kematian binatang itu sebelum atau semasa berlaku penyembelihan atau sebelum halkum dan *mari'*nya putus, misalnya seorang menyembelih, sementara seorang lain pula menusuk perutnya serentak. Jika perkara seperti ini berlaku sebelum halkum dan *mari'*nya putus, maka binatang sembelihan seperti ini tidak halal.

Berkata Al-Khatib As-Syarbini:

لَوْ ذَبَحَ شَخْصٌ حَيْوَانًا وَأَخْرَجَ آخَرًَ
أَمْعَاءَهُ أَوْ نَحَسَ خَاصِرَتَهُ مَعًا ، لَمْ يَحْلِ

Ertinya: "Jika seorang menyembelih seekor binatang dan seorang lain pula mengeluarkan isi perut atau menusuk lambungnya secara serentak, maka binatang itu tidak halal."

(*Mughnî al-Muhtâj* 4/430)

Apabila penyembelihan sudah berlaku, halkum dan *mari'* sudah putus, tetapi roh yang disembelih belum keluar, lalu bulunya dicabut, kakinya dipotong atau digerak-gerakkan dan sebagainya, maka perbuatan seperti ini dihukumkan makruh.

Berkata Al-Khatib:

وَيُنْكِرُهُ أَنْ يُبَيِّنَ الرَّأْسُ وَأَنْ يُكَبِّرَ الْعُنْقُ
وَأَنْ يَقْطَعَ عَضْوًا مِنْهُ وَأَنْ يُحَرِّكَهُ وَأَنْ
يَنْقُلُهُ إِلَى مَكَانٍ حَتَّى تَخْرُجْ رُوحَهُ مِنْهُ

Ertinya: "Dan makruh memutuskan kepala, mematahkan leher, memotong sebahagian anggota, menggerak-gerak dan memindahkan binatang yang sudah disembelih ke tempat lain sehingga keluar rohnya."

(*Mughnî al-Muhtâj* 4/342)

Mengikut *mafhûm* keterangan Al-Khatib ini, bermakna binatang berkenaan adalah halal kerana sembelihan sudah berlaku dengan putusnya halkum dan *mari'*. Apa perlakuan kepada binatang berkenaan selepas sembelihan walaupun rohnya belum keluar, tidak menjaskan kehalalannya walaupun perlakuan itu dikira boleh membantu mempercepatkan kematiannya kerana jika sudah berlaku penyembelihan yang diperakui syara', bererti yang disembelih sudah dihukumkan mati walaupun rohnya belum keluar dan inilah pendapat *jumhûr* ulama fiqh.



Apabila penyembelihan sudah berlaku, halkum dan *mari'* sudah putus, tetapi roh yang disembelih belum keluar, lalu bulunya dicabut, kakinya dipotong atau digerak-gerakkan dan sebagainya, maka perbuatan seperti ini dihukumkan makruh. (Gambar hiasan)

Dalam kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Akademi Fiqh Islam oleh Dr. Muhammad Sulaiman Al-Asyqar, h. 38, antara lain disebutkan:

إِذَا فَعَلَ بِالْحَيْوانِ بَعْدَ ذَبْحِهِ وَقَبْلَ
خُرُوجِ الرُّوحِ مَا يُعِينُ عَلَى مَوْتِهِ كَأَنْ
تَطَاهُ سَيَّارَةً ، أَوْ يُعَطَّسَ فِي مَاءٍ يَغْلِي
أَوْ مَاءٍ بَارِدٍ ، فَإِنَّ جُمْهُورَ الْفُقَهَاءِ
يَرْوَنُ أَنَّهُ لَا يَخْرُمُ بِذَلِكَ ، لِأَنَّهُ يَكُونُ
بِذَلِكَ فِي حُكْمِ الْمَيْتِ .

Ertinya: "Apabila dilakukan sesuatu perkara kepada binatang selepas menyembelihnya dan sebelum rohnya keluar, yang mana perkara itu boleh membantu kematiannya, seperti dilanggar kereta atau merendam dalam air panas atau air sejuk, maka *jumhûr* ulama fiqh berpendapat bahawa binatang berkenaan tidak haram dengan cara yang demikian kerana dengan sebab dia disembelih, maka dia dihukumkan sudah mati."

Selain daripada sikap berhati-hati di antara tuntutan sunat atau perkara-perkara yang disunatkan selepas binatang disembelih ialah: "Tidak segera dilapah kulitnya, dipecahkan tulang punggungnya dan tidak segera dipotong-potong anggota badannya, jangan digerak-gerakkan binatang sembelihan itu, tidak (terus) dipindah dari tempat sembelihannya ke tempat yang lain, bahkan dibiarkan semuanya sehingga benar-benar mati. Jangan diikat binatang selepas disembelih (dengan) sesuatu yang menghalang daripada ianya bebas bergerak." (Raudhah Ath-Thâlibîn li Al-Imam An-Nawawi 3/201)

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, maka adalah peralatan yang ditanyakan itu jika dipakai atau berfungsi selepas berlaku penyembelihan (selepas betul-betul putus halkum dan *mari'* mengikut kehendak syara') adalah ia makruh juga. ■

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ

Perjalanan Menziarahi Ulama

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah menerima kunjungan Jemaah Madrasah Islamiah Janderam Hilir Dengkil, Selangor, pada hari Isnin 6 Safar, 1422 bersamaan dengan 30 April, 2001 di tingkat 3 Bangunan Pejabat Hal Ehwal Ugama di ibu negara.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan mengalu-alukan kedatangan pelawat berkenan dengan memberikan maklumat dan penerangan tentang Jabatan Mufti Kerajaan. Kemudian kedua-dua belah pihak berbincang dan bertukar maklumat mengenai kegiatan dan perkembangan program ilmu.


Semasa rombongan berada di negara ini, mereka juga mengunjungi Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr.Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam kini boleh didapati di Malaysia. Sebuah syarikat pengedar buku akan dilantik untuk mengedarkan buku-buku tersebut di sana.

Semasa Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2001 yang berlangsung pada 2-11 Rabiulawal 1422 bersamaan dengan 25 Mei - 3 Jun 2001 beberapa buah syarikat pengedar buku telah menawarkan diri untuk menjadi pengedar buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan di Malaysia.

Setakat ini Jabatan Mufti Kerajaan telah menerbitkan lebih 20 tajuk buku, antaranya Fatwa Mufti Kerajaan, Irsyad Hukum, Islam dan Muzik, Isu-Isu Kewangan, Monetary Issues, Penyembelihan Binatang dan Pengendalian Daging dan Bersama Mufti.

Bagi mereka yang tinggal di Semenanjung Malaysia dan Singapura yang berhajat untuk membeli buku-buku tersebut bolehlah berhubung terus




Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, ketika mengalu-alukan kedatangan Jemaah Madrasah Islamiah Janderam Hilir Dengkil, Selangor.

Menurut Ketua Rombongan, lawatan seumpama ini merupakan program ziarah silaturrahim ulama-ulama, dengan hasrat untuk mengambil iktibar kehidupan para ulama. Selain program ini, mereka juga

menziarahi makam auliya, ulama' dan kesan sejarah silam dengan tujuan memperolehi keberkatan dan keinsafan dalam menghadapi liku-liku hidup di dunia.

Buku Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan boleh didapati di Malaysia



*Setakat ini
Jabatan Mufti
Kerajaan telah
menerbitkan lebih 20
tajuk buku antaranya
Fatwa Mufti Kerajaan, Irsyad
Hukum, Islam dan Muzik, Isu-Isu
Kewangan, Monetary Issues,
Penyembelihan Binatang dan Pengendalian
Daging dan Bersama Mufti.*

dengan syarikat berkenaan di Malaysia nanti. Bagaimanapun jika memerlukannya dalam waktu terdekat ini bolehlah berhubung terus dengan

MR. PRINT SDN. BHD. beralamat Ground Floor, Off Batu 3 Jalan Ipoh S1200 Kuala Lumpur, melalui talian 03-40421855 dan Fax: 03-40410534.

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2001



Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Datuk Hon Choon Kim mewakili Menteri Pendidikan merasmikan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2001.

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, melangkah setapak lagi ke arena antarabangsa dalam penyebaran media cetak, apabila menyertai Pesta buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2001, yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 2-11 Rabiulawal 1422 bersamaan 25hb Mei hingga 3 Jun, 2001.

Pesta tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Musa Mohamed pada hari Jum'at 2 Rabiulawal 1422 bersamaan 25 Mei 2001.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia Datuk Hon Choon Kim, mewakili Menteri Pendidikan merasmikan Pesta Buku tersebut.

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur ke 20 mencatat sejarah di mana pada tahun ini menerima penyertaan yang terbanyak. Malah buat pertama kalinya dua buah dewan pameran dibuka kepada orang ramai bagi menampung permintaan syarikat penerbitan yang begitu menggalakkan.

Menurut Pengurus Jawatankuasa, Datuk Abdul Rafie Mahat, pesta buku sepuluh hari melibatkan 98 penerbit tempatan dan 28 dari luar.

Pesta buku tahunan ini dianjurkan oleh Majlis Industri Buku Malaysia (MBIC) dan dikendalikan oleh Malaysia Book Promotions Sdn.Bhd. Pada tahun ini ia merupakan kali ke 20 pesta ini diadakan. Sebanyak 376 buah gerai telah disediakan oleh pihak pengajur.

Menurut Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan Jabatan Mufti Kerajaan Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha dengan penyertaan Jabatan Mufti

Kerajaan di pesta buku itu akan membuka peluang dan dapat mencari rakan pengedaran dan penyebaran dalam media cetak dengan lebih meluas lagi. Wadah seperti ini menurutnya, boleh mendukung dan mempermudah pelaksanaan agenda Jabatan Mufti Kerajaan dalam mengumpul, mengembang dan menyebarkan ilmu dan maklumat Islam.

Di Pesta Buku itu, sambutan terhadap buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan adalah sangat menggalakkan dan di luar jangkaan. Sebanyak lebih 20 tajuk buku-buku yang diterbitan telah dijual di pesta buku itu.



Atas: Sebahagian daripada jemputan di hari Pembukaan Rasmi Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2001.

Kiri: Penyertaan Jabatan Mufti Kerajaan di Pesta Buku ini membuka peluang lebih luas penyebaran fatwa dan boleh mendukung dan mempermudah pelaksanaan agenda Jabatan untuk mengumpul, mengembang dan menyebarkan ilmu dan maklumat Islam.

Mengapa Isteri Perlu Melayan Suami?

Melayan suami merupakan persoalan penting kepada isteri selepas mentaati Allah dan Rasul. Ia adalah saluran menuju taqwa kerana di situ lah peluang untuknya bermujahadah ; melawan segala perasaan letih, jemu, geram, marah, kecewa dan sedih ketika berlaku pertembungan di antara kehendak suami dan kehendak isteri.

Seorang isteri yang saleh akan merasa bahagia apabila dapat mentaati, melayan suami dan menimbulkan kegembirannya hingga suami terhibur. Kerana baginya menghiburkan hati suami bererti membangunkan syurga di akhirat. Oleh itu dia merasa amat beruntung kerana peluang itu Allah kurniakan buatnya. Lantas suami tidak hanya diberi layanan yang istimewa sewaktu baru melangkah ke gerbang perkahwinan atau di saat cinta masih segar dan hangat atau ketika suami masih berupaya dari segi rupa, harta, pengaruh atau tenaga sahaja.

Jangan sekali-kali memandang jijik hingga sanggup mengatakan wanita yang mentaati suami sebagai hamba suami dan tunggangan nafsu suami. Sebaliknya, tugas itu dianggap sebagai hadiah daripada Allah untuk dirinya yang tidak kesemua wanita berpeluang mendapatnya.

Tugas melayan suami tidak mungkin

dilakukan dengan baik tanpa dorongan iman dan taqwa. Hanya wanita beriman saja yang dapat mencintai suaminya dengan cinta fitrah (bukan cinta nafsu). Iaitu cinta fitrah yang tidak dikaitkan dengan apa-apa kepentingan yang membuatkan seseorang rela memberi kebahagiaan kepada orang yang dikasihi. Sekiranya isteri gagal untuk memberikan cinta fitrah kepada suaminya nescaya dia gagal untuk mentaati dan melayan suaminya seperti yang dituntut oleh agama. Terutama di saat-saat sedang keletihan atau sibuk dengan urusan-urusan di dalam dan luar rumah, sewaktu sakit hati dengan suami, sewaktu tidak diperdulikan oleh suami dan seumpamanya.

Ada beberapa sebab mengapa seorang isteri itu perlu melayan suami. Di antaranya :

Pertama : Perintah Allah

Allah memerintahkan para isteri agar mentaati dan melayani suaminya dengan sebaik mungkin. Sabda Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Kalau boleh aku menyuruh seseorang supaya sujud kepada orang lain, nescaya aku menyuruh isteri supaya sujud kepada suaminya." (Riwayat Tirmidzi)

Mentaati dan melayani suami merupakan salah satu ibadah yang mana para isteri

mendapat ganjaran di dunia, sementara di akhirat pula mendapat pahala. Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda maksudnya : "Jika seorang isteri menunaikan sembahyang lima waktu, puasa bulan Ramadhan, menjaga kesucian dirinya dan taat kepada suaminya, dia akan masuk syurga melalui mana-mana pintu yang diakehendaki."

Kedua : Kedudukan (martabat) suami

Lelaki adalah pemimpin kepada wanita, khususnya suami terhadap isteri. Firman Allah di dalam al-Qur'an yang bermaksud : "Kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum wanita. Oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita) dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian daripada harta mereka." (An-Nisa :34)

Firman Allah lagi maksudnya : "Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajiban mereka menurut cara yang baik akan tetapi para suami mempunyai satu tingkatan kelebihan atas isterinya." (Al-Baqarah : 228)

Ketiga : Kewajiban isteri

Setiap wanita ingin dikasihi, mendapat pembelaan dan perlindungan daripada seorang suami. Tapi bukan kesemuanya berasas baik. Masih banyak lagi yang tidak berpeluang bersuami walaupun di kalangan mereka itu ada yang berjawatan tinggi, cantik dan berharta.

Maka bagi wanita yang bertuah dan berasas baik kerana telah bersuami ini, apakah ada cara lain untuk melahirkan rasa syukur dan tanda terima kasih selain daripada mentaati dan melayani suami dengan sebaik-baiknya? Kenanglah jasa dan kebaikan suami, pasti akan lahir rasa tanggungjawab untuk mentaati dan melayaninya dengan sebaiknya.

Kewajiban isteri melayan dan memuliakan suaminya terlalu besar dan

(Bersambung ke muka 19)

“Tugas melayan suami tidak mungkin dapat dilakukan dengan baik tanpa dorongan iman dan taqwa. Hanya wanita beriman saja yang dapat mencintai suaminya dengan cinta fitrah (bukan cinta nafsu) , ,

EKSPO ISLAM ANTARABANGSA

18 ~ 31 OGOS 2001

Satu majlis perjumpaan antara Mufti Kerajaan selaku Pengerusi Jawatankuasa Indung Ekspo Islam Antarabangsa dengan penaja-penaja utama telah diadakan di bilik Persidangan Hotel Empire, Jerudong pada hari Ahad 11 Rabiulawal 1422 bersamaan 3 Jun 2001.

Dalam perjumpaan tersebut Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd. Aziz bin Juned mamaklumkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ekspo Islam Antarabangsa yang sepatutnya diadakan pada 1-14 Ogos, 2001 diubah menjadi 18-31 Ogos, 2001.

Menurut Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin perubahan tarikh berkenaan mungkin memberi reaksi yang berlainan bagi para peserta yang mungkin ada komitmen lain sepanjang tarikh asal. Walau bagaimanapun dengan perubahan tersebut mungkin juga memberi '*leverage*' kepada setengah pihak lain.

Apa yang menarik sepanjang Ekspo itu nanti ialah Pameran Warisan Islam yang akan mempamerkan Insya Allah pelbagai Artifak yang istimewa, eksklusif dan luarbiasa yang dipercayai kepunyaan Rasullullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, sahabat dan cucunda Baginda.

Termasuk dalam pameran itu ialah koleksi istimewa lagi berharga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada mushaf, tasbih, tongkat dan beratus-ratus manuskrip Arab, Parsi dan Urdhu dalam pelbagai



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan selaku Pengerusi Jawatankuasa Indung Ekspo Islam Antarabangsa I semasa mengadakan perjumpaan dengan para penaja utama dan Sidang Akhbar di Bilik Persidangan Empire Hotel and Country Club, Jerudong.

disiplin ilmu Islam.

Manuskrip-manuskrip tersebut berumur beratus-ratus tahun dan ada di antaranya sampai 1,200 tahun.

Koleksi mushaf, tasbih dan tongkat pula, jelas Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin, akan menjadi pameran istimewa kerana pada masa ini juga penerbitan sebuah buku mengenainya sedang diusahakan di bawah tajaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan akan dilancarkan semasa perasmian ekspos berkenaan.

Acara kedua di sepanjang ekspos itu menurut Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin ialah Pameran Perdagangan, yang akan menjadi 'venue' bagi ahli-ahli perniagaan berjumpa, berpapak atau sekurang-kurangnya bertukar maklumat hal perniagaan yang akan dapat menjadi aktiviti ekonomi umat Islam.

Sementara acara ketiga ialah Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara yang akan berlangsung pada 20-23 Ogos.

Seramai 26 orang pakar dijangka akan membentangkan kertas kerja di seminar itu nanti.

Selain itu tambah Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin, forum bertaraf dunia yang bertemakan 'Mengumpul, Mengembang dan Menyebarluaskan Ilmu Dalam Dunia Digital' dan ceramah kewangan yang bertemakan 'Perspektif Islam Operasi Pasaran Modal' akan diadakan pada 27 - 29 Ogos.

Hadir di Majlis perjumpaan tersebut ialah Pengarah-Pengarah Urusan, penaja-penaja utama yang terdiri daripada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bank Islam Brunei Berhad (IBB), Logi Cecair Asli Brunei (BLNG), Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) Media-media tempatan dan beberapa syarikat pengedar kenderaan dan minuman selain sokongan daripada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Semasa rombongan mengadakan lawatan ke Masjid Husien, Mesir.



Semasa mengadakan perbincangan dengan ketua Chambers of Commerce di United Arab Emirate.



Semasa mengadakan perjumpaan dengan Pengarah Urusan Kombassan Holding di Konya, Turkey.



Semasa rombongan mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan Yussef Islam di London.

ROAD EKSPON ISLAM 18 ~ 31 0



Semasa mengadakan promosi Eksposi di Sydney, Australia.



Mengadakan perbincangan dengan Bapa Muchrim, Pengarah Urusan Perdagangan Indonesia, semasa di Jakarta.

SHOW INTARABANGSA GOS 2001



Perjumpaan dan perbincangan dengan Pengarah Urusan Martrade, Malaysia.



Semasa rombongan mengadakan promosi Ekspo di Singapura.



Rombongan diketuai oleh Dato Paduka Ahmad Bukhari CEO Ekspo mengadakan perbincangan dengan Imam Masjid Newjie, Beijing China.



Dato Paduka Ahmad Bukhari mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Pertubuhan Islam China semasa berada di Beijing, China.



Mengadakan perbincangan dengan Ketua-Ketua Pertubuhan Islam di Kowloon, Hong Kong.



Mengadakan promosi Ekspo Islam di Singapura dalam China Muslim Trade Expo.

JMK Pindah Ke Bangunan Baru

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri mula berpindah ke bangunannya yang baru terletak di Jalan Pengiran Babu Raja. Perpindahan secara berperingkat itu bermula akhir bulan Jun. Adalah dijangkakan perpindahan sepenuhnya akan selesai pada bulan Julai, iaitu lebih kurang dua minggu sebelum Ekspo Islam Antarabangsa bermula.

Kompleks Jabatan Mufti Kerajaan mempunyai 2 blok bangunan, iaitu blok Pentadbiran dan blok perpustakaan. Di antara kemudahan yang terdapat ialah Dewan Serbaguna yang boleh digunakan untuk menunaikan sembahyang, dan tempat perhimpunan untuk persidangan, seminar dan sebagainya. Selain itu terdapat juga balai pameran, bilik orang kenamaan, bilik taklimat dan



Kompleks Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri yang terletak di Jalan Pengiran Babu Raja.

bilik rakaman.

dalam berbagai bahasa dan mazhab.

Mengenai perpustakaan pula, sistem yang digunakan ialah digital library. Perpustakaan ini dianggarkan boleh memuat sehingga sejuta buah buku

Untuk kemudahan orang ramai berhubung dengan Jabatan Mufti Kerajaan, nombor talian adalah tidak berubah.

BSP TURUT MENAJA EKSPO ISLAM ANTARABANGSA



Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin ketika menerima cek \$200,000.00, daripada Awang Haji Mohd. Zaini bin Haji Omar, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Korporat Syarikat Minyak Brunei Shell, sambil diperhatikan oleh Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan selaku Ketua Pengawal Eksekutif Ekspo dan Pegawai-Pegawai Pemasaran Ekspo.

Syarikat Minyak Brunei Shell adalah salah sebuah syarikat swasta yang turut menaja Ekspo Islam Antarabangsa yang

akan diadakan pada 18 ~ 31 Ogos 2001.

Satu majlis penyampaian cek

sejumlah \$200,000.00 telah diadakan di Jabatan Mufti Kerajaan, Tingkat 3, Bangunan Pejabat Hal Ehwal Ugama di ibu negara pada 12 Jun 2001. Cek disampaikan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Korporat Brunei Shell, Awang Haji Mohd. Zaini bin Haji Omar.

Menerima bagi pihak Jabatan Mufti Kerajaan ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan.

Lain-lain syarikat yang turut menaja Ekspo Islam Antarabangsa antaranya ialah Bank Islam Brunei Berhad dan kumpulan syarikatnya, Bank Pembangunan Islam Brunei, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Brunei LNG Sdn. Bhd.

IRSYAD:

BERHUTANG *Senang* MEMBAYAR *Susah*

Untuk menikmati kemewahan hidup, tidak sedikit orang yang terdorong untuk berhutang, apatah lagi institusi-institusi kewangan giat mempromosikan skim pembiayaan untuk menarik orang ramai berhutang. Ini menjadikan berhutang pada zaman ini semacam suatu budaya bagi mereka untuk meningkat imej dan status.

Apabila sudah menjadi budaya, sebahagian orang menganggap berhutang itu sebagai perkara biasa, ringan dan mudah, sehingga berani berhutang semaksimum mungkin tanpa memikirkan akibat jika tidak mampu membayarnya pada masa yang ditetapkan.

Memperkatakan tentang hutang ini, dalam Islam memberi hutang adalah amalan yang mulia jika tujuannya untuk meringankan beban orang yang dalam kesusahan dan kesempitan hidup, bukan dengan tujuan mengambil kesempatan atau faedah daripada orang-orang yang berhutang.

Jika dilihat kepada konsep kemasyarakatan, memberi hutang sangat digalakkan kerana orang yang memberi hutang akan mendapat ganjaran yang istimewa di sisi Allah *Subhanahu wata'ala*:

مَنْ نَفَّسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَةِ
الدُّنْيَا نَفَّسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَةِ يَوْمِ
الْقِيَامَةِ وَمَنْ يَتَّرَكْ عَلَى مُغْسِرٍ يَتَّرَكْ
اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدِّينِ.

(Roaah Muslim dan Abu Daud dan Tirmidzi)

Maksudnya: "Sesiapa yang menghilangkan atau melapangkan suatu kesusahan seorang mukmin di antara kesusahan-kesusahannya di dunia, maka Allah akan menghilangkan atau melapangkan suatu kesusahan di antara kesusahan-kesusahannya pada Hari Kiamat. Sesiapa yang memberi kemudahan kepada orang yang dalam kesulitan, maka Allah akan memberinya kemudahan di dunia dan akhirat."

(Hadis riwayat Muslim, Abu Daud dan at-Tirmidzi)

Bagaimanapun, berhutang adalah amalan yang tidak digalakkan oleh Islam kerana hutang itu merupakan kesusahan di malam hari dan penghinaan di siang hari. Hutang juga akan menyebabkan seseorang itu menanggung amanah yang mesti ditunaikan iaitu melunaskan hutang. Jika ketika

hidupnya hutang tersebut belum dilunaskan, maka apabila dia meninggal dunia hutang tersebut hendaklah dibayar daripada harta pusaka yang ditinggalkannya sebelum dibagi-bahagikan kepada waris-warisnya. Demikianlah beratnya tuntutan Islam dalam kewajipan membayar hutang.

Dari itu, hutang perlu dijelaskan dengan segera. Jangan suka atau sengaja tidak menghiraukan hutang dengan berbagai-bagai alasan sehingga kadang-kadang menyebabkan kesusahan kepada orang yang memberi hutang. Dalam keadaan-keadaan lain, hubungan kedua belah pihak menjadi tidak mesra, bahkan seperti bermusuhan. Kadang-kadang penangguhan itu bukan kerana tidak mampu membayar hutang, tetapi sengaja dilengah-lengahkan. Menurut Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, orang yang sengaja melambat atau melengah-lengahkan pembayaran hutang dalam keadaan dia boleh melunaskan hutangnya dengan segera adalah melakukan kezaliman. Demikian ditegaskan oleh Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dalam sabdanya:

حَطَّلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ

(Roaah Al-Bahrani dan Muslim)

Maksudnya: "Orang kaya yang sengaja melengah-lengahkan pembayaran hutang adalah suatu kezaliman."

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Risiko menanggung hutang itu, selain daripada memikul tanggungjawab membayarnya, ialah bahaya yang lebih besar yang akan menimpah kepada diri si penghutang jika hutang tidak dibayar. Antaranya disebutkan dalam hadis Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*:

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مَعْلَقَةٌ بِدِيَّهُ حَتَّىٰ يَقْضَى
عَنْهُ.

(Roaah Ahmad dan Tirmidzi dan Imaam Hanbal)

Maksudnya: "Roh seseorang mukmin itu tergantung-gantung (yakni dihalang daripada tempat yang mulia) dengan sebab hutangnya sehingga hutangnya itu dilunaskan."

(Hadis riwayat Ahmad, Tirmidzi dan Ibnu Hibban)

Dalam hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar *Radhiyallahu 'anhu* Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

مِنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ دِيْنَارٌ أَوْ دِرْهَمٌ قُضِيَّ مِنْ
حَسَنَاتِهِ لَيْسَ ثُمَّ دِيْنَارٌ وَلَا دِرْهَمٌ.

(Roaah Ibnu Majah)

Maksudnya: "Sesiapa mati, sedangkan dia masih menanggung hutang satu dinar atau satu dirham, maka akan diambilkan (ganti) daripada kebaikannya, kerana di sana tidak ada dinar dan tidak ada dirham."

(Hadis riwayat Ibnu Majah)

Dalam satu peristiwa pernah terjadi di mana Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* enggan menyembahyangkan jenazah apabila Baginda mengetahui orang yang meninggal itu masih mempunyai tanggungan hutang.

Tindakan Baginda itu jelas menunjukkan tentang ketidaksukaan Baginda terhadap orang-orang yang berhutang. Tindakan sedemikian memberi pengajaran kepada orang lain tentang akibat berhutang.

Justru itu Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* selalu meminta perlindungan kepada Allah daripada berhutang. Doa Baginda ialah:

Maksudnya: "Ya Allah! Aku berlindung denganMu daripada dilanda hutang dan kekuasaan orang lain."

(Hadis riwayat Bukhari)

Apabila Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* ditanya mengapa Baginda banyak meminta perlindungan daripada berhutang, Baginda menjawab, maksudnya: "Kerana kalau seseorang itu berhutang, apabila dia bercakap dia bendusta dan apabila dia berjanji dia mungkir."

Oleh itu Islam menasihatkan setiap Muslim agar menghindarkan diri daripada berhutang kecuali kerana sangat memerlukan. Kalaupun terpaksa berhutang, hendaklah berniat dan berazam untuk membayar hutang berkenaan.

Jika benar-benar tidak berkeupayaan untuk membayar hutang dalam jangka atau tempoh yang dijanjikan atau ditentukan, berterus-teranglah kepada pemutang dan berundinglah bagaimana cara yang patut dan munasabah untuk membayar hutang tersebut.

Oleh itu kikislah sifat dan tabiat suka berhutang kecuali dalam perkara-perkara yang benar-benar perlu dan mendesak saja. Jika berhutang hendaklah dijelaskan menurut perjanjian agar terhindar daripada segala kemurkaan Allah *Subhanahu Wata'ala*. ■

Mufti Kerajaan

Terima Kunjungan

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan telah menerima kunjungan tetamu-tetamu dari luar negeri.



Atas: Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Mufti Kerajaan ketika menerima kunjungan Sahibus Samahah Asy-Syeikh Dr. Ibrahim Muhammad Hassan, Mufti Muhofazah Hasahah Syria. Turut hadir ialah Kadhi Besar, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Pada hari Khamis 25 Muharram, 1422 bersamaan dengan 19 April, 2001, Sahibus Samahah Asy-Syeikh Dr. Ibrahim Muhammad Hassan Mufti Muhofazah Hasahah Syria, telah mengadakan kunjungan kepada Mufti Kerajaan. Dalam

perjumpaan itu berbagai perkara mengenai Islam dan umat Islam telah dibincangkan.

Sementara itu pada hari Sabtu 4 Safar, 1422 bersamaan dengan 28 April, 2001, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Mufti Kerajaan telah menerima kunjungan Tuan Yang Terutama Major (Bersara) Badr-ud-Deen, Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke negara ini.

Pada hari Khamis 16 Safar 1422 bersamaan dengan 10 Mei 2001 pula Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Mufti Kerajaan telah menerima kunjungan Tuan Yang Terutama Dinesh Kumar Jain, Duta Besar India ke negara ini.



Atas: Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Mufti Kerajaan ketika menerima kunjungan Tuan Yang Terutama Major (Bersara) Badr-ud-Deen, Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan.



Kiri: Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Mufti Kerajaan ketika menerima kunjungan Tuan Yang Terutama Dinesh Kumar Jain, Duta Besar India.

Distribution of Inheritance in Accordance with Farâ'ih Law

How should inheritance be distributed?

Inheritance should be distributed following the method taught by Islam through Al-Qur'an and *ahâdîth* (traditions of the Prophet *Sallallahu 'alaihi wasallam*).

The religion of Islam, in all its wisdom and justice, has prescribed an inheritance distribution system in a method called 'Farâ'ih'. According to *shara'* (Islamic law), *farâ'ih* means the allotted share for heirs.

Farâ'ih consists of the fairest arrangement for distribution of inheritance because it abides to what has been ordained through *wahyu* (revelation) and as pointed out in Al-Qur'an, this arrangement is not man-made. In this context, the function of man or the courts is to simply carry out the said arrangement.

The ruling (*hukm*) or the arrangement for distribution of inheritance through *farâ'ih* is obligatory. Verses concerning *farâ'ih* are found in abundance in Al-Qur'an as well as in *ahâdîth*.

Among them is the following verse:

بُوْصِيْكُمُ اللَّهُ فِيْ اُولَدِكُمْ لِلَّدُكِ مِثْلُ حَظِّ الْآتِيْشِينَ فَإِنْ كُنْ نِسَاءً فَوْقَ اُنْتَشِينَ فَلَهُنْ شُكْرٌ مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا الْيَصْفُ .

(Surah An-Nisâ': 11)

Translated: "Allah (thus) directs you as regards your children's (inheritance); to the male, a portion equal to that of two females: if only daughters, two or more, their share is two-thirds of the inheritance; if only one, her share is a half....." (until

the end of verse).

(Surah An-Nisâ': 11)

And the *hadith*:

عَنْ أَبْنَى عَبْدِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَفْيِسُوا الْمَالَ بَيْنَ أَهْلِ الْفِرَاقِ عَلَى كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى .

(Rواه مسلم وأبو داود)

Meaning: "From Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, from the Prophet *Sallallahu 'alaihi wasallam*, he says: "Distribute inheritance among those who are entitled to *farâ'ih* (heirs) based on the Book of Allah."

(*Hadith narrated by Muslim and Abu Daud*)

Prohibition of Inheritance for Women Before Islam

The Arabs, during the time of ignorance (*jahiliyah*) and before the arrival of Islam, did not allow women any share of the inheritance, all of their inheritance was specifically for the men but even in this, it was (restricted to) only male adults and not male children. This *jahiliyah* custom has been abrogated and prohibited by Allah through the above verse.

In the earlier days of Islam, as narrated by Jabir Radhiallahu 'anhua, a woman (widow), the wife of Sa'ad bin Ar-Rubai', came to Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* complaining about her two daughters from her union with Sa'ad. The woman (widow) said: "O Rasulullah, these two girls are daughters of Sa'ad bin Al-Rubai'. Their father had died a martyr's death in the battle of Uhud while fighting alongside with you, Rasulullah. Then

their uncle has taken their wealth, he did not give them even a little of it and they both will not be able to marry without any wealth." Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* then said: "Allah will deliver a verdict on it."

Not long after that, verse 11 was revealed from the surah an-Nisâ' which is partially quoted above. Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* then sent a messenger to the uncle of the two girls to inform him of the message from Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* which was: "Give to the daughters of Sa'ad 2/3 and to their mother 1/8 while the remainder is for you." (This *hadith* from Jabir has been narrated by five of the *hadith* narrators except Nasa'i)

On the basis of the verse and the *hadith* from Jabir above, it is obligatory to distribute inheritance in accordance with the allotted shares determined in *farâ'ih* and this is the best way to achieve true justice.

Can the inheritance be distributed only among the children from the first husband/wife?

It has already been established that it is obligatory to distribute the wealth left by the deceased, or what is called inheritance, to the heirs entitled to it based on *farâ'ih*.

The meaning of *farâ'ih* is the allotted share determined by *shara'* for the heirs who are entitled (to the inheritance). In other words: Every heir has a right to the inheritance left by the deceased according to their position. The percentage that they are entitled to have already been determined by the rulings of *shara'* and those who are not heirs do not

have a right to receive inheritance. There are altogether 25 heirs, 15 males and 10 females.

The male heirs are as follows:

1. Son.
2. Son of son (grandson).
3. Father.
4. Grandfather.
5. Full brother (same parents).
6. Brother from same father.
7. Uterine brother (same mother).
8. Son of full brother (same parents).
9. Son of brother from same father.
10. Uncle who is full brother to father.
11. Uncle who shares same father as father.
12. Son of uncle who is full brother to father.
13. Son of uncle who shares same father as father.
14. Husband.
15. Master who has freed his slave (ex-master).

Female heirs:

1. Daughter.
2. Daughter of son .
3. Mother.
4. Maternal grandmother.
5. Paternal grandmother.
6. Full sister (same parents).
7. Sister (same father).
8. Uterine sister (same mother).
9. Wife.
10. Woman who has freed her slave.

Attributed to the deceased, all his or her children are therefore the same -- either from the first or second husband or wife. What differentiates them is their sex -- either male or female -- from the point of view of the science of *farâ'ihd* whereby males receive two portions of the female share.

Therefore, according to the science of *farâ'ihd*, the inheritance concerned cannot be distributed only among the children from the first husband or the first wife.

Allah Ta'ala has revealed the law of

farâ'ihd because it is better and more suitable for heirs as distribution of inheritance according to *farâ'ihd* brings about justice and fairness to all heirs.

Therefore, to use a personal method in the distribution of inheritance because it is felt to be fairer and more just is a wrong perception. The only most just and fair method is that which is from Allah Ta'ala.

Doubts raised concerning the injustice in distribution of inheritance have already been addressed by Muhammad Qutb in his book: "Misunderstanding Towards Islam" (translated by: Yussof Zaky Yacob). Let us follow and reflect upon the thoughts of Muhammad Qutb and see how beautiful Islam is in every of its regulations:

"Now let us look at two main issues on which Islam differentiates between men and women, that is on the issue of distribution of inheritance and on the issue of head of household. According to Islam, men have the right to receive twice the women's share of inheritance. Such an allotment is logical because it is obligatory in Islam for men to bear the total family's expenses while women are not obliged to spend in such a way except on their personal needs and on their adornments. (Except however if the woman is the sole breadwinner of the family but such a situation is rare in the Islamic system because men who are entitled to receive the allotted shares ('asabah) are also obliged to be responsible for the womenfolk although the ties between them may be remote). With such an arrangement, where is the injustice that champions of absolute equality between men and women are talking about? Let us put aside our sentiments and accusations and let us look at this issue using a simple method of calculation. If women receive one third of the inheritance for their personal expenses while men receive two thirds but must firstly, support their wives (womenfolk) secondly, support their families and their children, logically speaking,

according to figures and numbers, which party then has actually obtained a bigger share (of the inheritance)? There may be men who spend all of their wealth on themselves without getting married and setting up a family. Such cases are few in number because men have been given the task of spending their wealth on setting up families which naturally will include womenfolk, that is their wives. They spend not voluntarily but based on their responsibility as men.

With regard to womenfolk (wives), men (husbands) have absolutely no rights to their wealth, no matter how wealthy they may be except with their absolute consent. It is the man who has to support his wife as though she has nothing and the wealthy wife has the right to complain to the authority should her husband refuse to provide maintenance or should the maintenance be insufficient considering his wife is wealthy. The courts will force the husband to either bear his wife's maintenance or to divorce her.

On the basis of such a calculation, it is clear that it is the womenfolk who receive a greater share of the inheritance while the two-thirds received by men does not constitute a special portion because men, and not women, have been given the responsibility of providing maintenance.

Such is the system of distribution arranged by Islam with regard to inheritance which is obtained without any effort. The distribution is based on the most just law ever achieved by man today which is the law that stipulates "Everyone has the right to obtain the necessary proportion" and the measurement for what is necessary depends on his tasks and responsibilities."

However, if there is still a desire to distribute according to a personal method, the distribution must first be done according to *farâ'ihd* and after each heir has been informed of his/her share, only then can they mutually and voluntarily do as they please. ■

PENDETA YAHUDI MEMELUK ISLAM

Abu Ya'qub At-Thabari merupakan seorang 'abid (hamba) yang sangat taat pada perintah Allah dan RasulNya. Beliau juga terkenal dengan sifat ahli sufi yang *zuhud*, suka berterus terang dan tidak pernah bercakap bohong.

Pada suatu hari, ketika beliau berjalan untuk pergi ke Kota Syam, di tengah padang pasir beliau tersesat jalan. Sudah puas beliau berjalan mundar-mandir mencari arah menuju ke Kota Syam, namun perbuatan beliau itu sia-sia saja. Beliau kehilangan arah tuju itu selama beberapa hari di padang pasir. Abu Ya'qub At-Thabari betul-betul berada di dalam kesusahan. Jalan untuk pulang ke kampungnya sekarang tidak kelihatan lagi kerana dilingkungi padang pasir saujana, jauh mata memandang; tersangat luas. Beliau hampir berputus asa, bekalannya pula hampir habis.

Dalam keadaan panas yang terik itu, tiba-tiba beliau terlihat seakan-akan kepulan asap yang sedang bergerak-gerak, jauh di hadapannya. Beliau yang sudah tidak berdaya lagi itu berusaha juga untuk ke sana, manalah tahu mungkin ada manusia. Tidak ada jalan lain lagi, kecuali terpaksa gagahi kudratnya untuk ke sana meminta pertolongan.

Sebaik saja menghampiri barulah Abu Ya'qub mengetahui bahawa kepulan asap hitam yang dilihatnya itu sebenarnya ialah dua orang manusia yang sama-sama musafir seperti beliau. Beliau cuba mengejarnya dan memanggil:

"Assalamualaikum....tuan....! Tuan...!" Teriaknya sekutu hati sambil berlari. "Tunggu sebentar!"

Tidak ada jawapan daripada keduanya tetapi mereka menoleh ke belakang untuk mencari suara yang memanggilnya. Mereka berhenti seketika sambil melihat seorang manusia sedang keletihan dan kelaparan menuju ke arah mereka.

"Nama saya Abu Ya'qub At-Thabari, dan

saya sebenarnya mahu ke Syam", terang Abu Ya'qub tercungap-cungap.

"Siapakah tuan ini dan ke manakah tuan-tuan akan pergi?" Sambung Abu Ya'qub lagi.

"Tidak tahu!" Jawab mereka agak serius.

Abu Ya'qub terperanjat mendengar jawapan mereka ini.

"Habis, tuan-tuan ini datang dari mana?" Tanya Abu Ya'qub lagi.

"Tidak tahu!" Jawab mereka seolah-olah tidak melayan.

Setiap pertanyaan Abu Ya'qub begitulah jawapan yang diberikan oleh kedua-dua musafir ini. Keadaan ini membuatkan beliau menjadi hairan dan mengambil keputusan untuk tidak bertanya lagi. Beliau rasa menyesal mengejar mereka dan membuang masa saja. Kalau pertanyaan beliau saja sudah tidak dilayan, apatah lagi untuk meminta pertolongan dengan mereka. Abu Ya'qub berhenti membiarkan keduaduanya berjalan menuju ke tempat yang belum pasti lagi itu.

Bila melihat keadaan Abu Ya'qub yang berputus asa dengan tingkahlaku mereka itu, mereka pun berhenti berjalan dan mendapatkan Abu Ya'qub.

"Wahai orang muda! Kami berdua ini adalah pendeta Yahudi dan kami sekarang berada di dalam kerajaan dan kekuasaan Allah. Ke mana Dia arahkan, ke situlah kami berada", salah seorang pendeta itu berkata kepada Abu Ya'qub.

Mendengar jawapan pendeta itu, membuatkan Abu Ya'qub tercengang-cengang dan berkata di dalam hati: "Manakah boleh macam itu, mestilah berusaha, tidak boleh bertawakal saja". Hasrat Abu Ya'qub untuk memberitahu kepada keduanya pendeta itu terpaksa dibatalkan kerana takut mereka tersinggung dan khuatir mereka akan terus meninggalkannya di tengah padang pasir itu.

Abu Ya'qub pun mendekati mereka seraya bertanya: "Bolehkah saya ikut bersama tuan-tuan pendeta?"

"Buat apa ikut kami? Kami berjalan pun tidak tentu haluan lagi", kata mereka sambil lewa.

"Betul juga kata mereka itu", fikir Abu Ya'qub. Tapi kalau beliau berjalan sendiri pun ke mana pula beliau akan tuju?

"Tuan pendeta, saya sebenarnya tersesat jalan dan saya tidak tahu kemana hendak dituju," Abu Ya'qub menerangkan kepada mereka.

"Itu terserahlah", jawab mereka pendek saja.

Buat sementara waktu Abu Ya'qub berjalan mengikut mereka sehingga alamat terbenam. Kedua pendeta itu sembahyang mengikut agama mereka bila tiba waktunya. Bila masuk waktu Maghrib, Abu Ya'qub pun bertayammum untuk sembahyang, membuatkan kedua pendeta itu saling berpandangan, mereka merasa hairan melihat kelakuan Abu Ya'qub.

Selesai saja tayammum, kedua pendeta itu mendekati Abu Ya'qub dan bertanya tentang apa yang berlaku sebentar tadi.

"Wahai orang muda, bolehkah saya tanya sesuatu?" Tanya salah seorang daripada mereka.

"Silakan". Jawab Abu Ya'qub.

"Apa yang engkau buat itu?" Tanya mereka.

"Saya mahu sembahyang", jawab beliau.

"Buat apa kesat muka dan tangan dengan debu itu?"

"Ini namanya tayammum. Bila tidak ada air untuk berwudhu', Islam mengharuskan kita mengantikannya dengan bertayammum", kata Abu

Pendeta Yahudi itu merasa hairan dengan cara ibadat Abu Ya'qub. Mungkin selama ini mereka belum pernah melihat apa yang dilakukan oleh Abu Ya'qub sebentar tadi. Setelah masing-masing selesai mengerjakan sembahyang, salah seorang dari kedua pendeta itu mula menunjukkan keajaiban yang luar biasa yang pernah mereka lakukan sebelum ini. Salah seorang daripada pendeta itu menggosok-gosokkan tanah, maka tiba-tiba menyemburlah air keluar dari tanah itu, kemudian dengan sekilip mata saja muncul di sampingnya makanan-makanan yang lazat. Abu Ya'qub pun merasa hairan atas apa yang berlaku itu. Beliau tidak habis-habis berfikir, dari mana air dan makanan itu muncul dengan tiba-tiba.

Mereka kemudiannya memanggil Abu Ya'qub dan mengajaknya makan bersama-sama. Abu Ya'qub pun makan sekenyang-kenyangnya. Sesudah mereka bertiga menikmati hidangan tersebut, maka air dan makanan itu pun hilang dan ghaib entah ke mana. Ini membuatkan Abu Ya'qub semakin hairan lagi, sungguh ajaib!

Pada malam yang kedua, pendeta yang satu lagi itu pula membuat seperti apa yang dibuat oleh rakannya sebelum ini. Air dan makanan yang lazat-lazat keluar apabila tanah itu digosok-gosokkan oleh pendeta itu. Mereka bertigapun makan dan minum bersama-sama sehingga kenyang, kemudian makanan dan air itupun lenyap semula sebagaimana kejadian pada malam yang pertama.

Pada malam yang ketiga, kedua-dua orang pendeta yahudi itu saling berpandangan, mereka tersenyum dan akhirnya mereka berpaling kepada Abu Ya'qub seraya berkata:

"Malam ini giliran engkau pula, wahai orang Islam! Tunjukkanlah keajaiban dalam agamamu. Keluarkan makanan dan air untuk kita makan dan minum, seperti yang kami buat pada malam-malam yang lalu!"

Mendengar permintaan mereka itu, Abu Ya'qub benar-benar gementar dan beliau

tidak tahu apa yang hendak dibuat. Beliau merasa amat malu sekali kerana tidak tahu melakukan seperti itu. Maka dengan hati yang penuh penyesalan, beliau memohon kepada Allah:

"Ya Allah! Aku menyedari atas dosa-dosaku yang banyak, memang aku tidak berhak berada di kedudukan mulia di sisiMu ya Allah, namun aku mohon ke hadhratMu ya Tuhan, dengan keagungan Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi Wasallam* janganlah sampai hamba dihina dan direndahkan di hadapan kedua

Sedang mereka berfikir, tiba-tiba memancarlah sebuah mata air dari tanah, dan keluarlah air dengan derasnya.

Bahkan lebih deras daripada malam-malam sebelumnya. Kemudian datang lagi makanan dengan banyak sekali. Kedua-dua pendeta itu pula merasa hairan kerana makanan yang muncul kali ini adalah makanan yang mereka tidak pernah lihat, bahkan makanan yang lebih lazat lagi dari sebelumnya. Abu Ya'qub sendiri tidak tahu dari mana dan bagaimana makanan dan air itu datang.

pendeta ini, dan janganlah agama Islam yang mulia itu dikalahkan oleh agama mereka! Aku mohon ya Rabb, Engkau laulah Tuhan yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Engkau juga Tuhan yang

Maha Mendengar dan Mengetahui kedudukan hambaMu."

Abu Ya'qub terus mengosok-gosokkan tanah itu sambil diperhatikan oleh kedua pendeta itu dengan sinis. Mereka beranggapan apabila Abu Ya'qub gagal melakukannya, maka Abu Ya'qub akan mudah memasuki agama mereka lantaran keistimewaan yang berlaku kepada penganut agama Yahudi itu. Sedang mereka berfikir, tiba-tiba memancarlah sebuah mata air dari tanah, dan keluarlah air dengan derasnya. Bahkan lebih deras daripada malam-malam sebelumnya. Kemudian datang lagi makanan dengan banyak sekali. Kedua-dua pendeta itu pula merasa hairan kerana makanan yang muncul kali ini adalah makanan yang mereka tidak pernah lihat, bahkan makanan yang lebih lazat lagi dari sebelumnya. Abu Ya'qub sendiri tidak tahu dari mana dan bagaimana makanan dan air itu datang.

Mereka bertigapun makan dan minum sehingga kenyang dan kemudian mereka juga tidak lupa memuji Tuhan atas belas-kasihNya. Begitulah selama mereka di dalam musafir, mereka bertiga mengerjakan yang demikian itu secara bergilir-gilir bila tiba waktu makan.

Sehingga pada suatu hari bila tiba giliran Abu Ya'qub menggosokkan tanah untuk mengeluarkan makanan dan minuman, maka keluarlah makanan dan minuman yang lain pula yang tidak pernah dimakan oleh mereka bertiga. Kejadian itu membuatkan Abu Ya'qub tidak tertahan lagi dirinya, dan terus menangis terisak-isak. Beliau cuba menahan tangisannya, namun tidak dapat. Dia terus menangis dengan sekutu-kuatnya, dan apabila kedua-dua pendeta itu melihat beliau menangis, mereka pun ikut menangis bersama-sama dengannya.

Setelah tangisan agak reda sedikit, maka salah seorang pendeta itupun bertanya kepada Abu Ya'qub: "Wahai orang muda mengapa engkau menangis begitu sekali?"

Kata Abu Ya'qub di dalam hati, rupanya mereka tidak tahu apa sebabnya beliau menangis! Beliau menjawab: "Saya ini

seorang yang banyak dosa. Saya tidak mempunyai apa-apa darjatpun di sisi Allah, sehingga saya juga boleh menerima sebarang anugerah daripadaNya.”

Kedua-dua pendeta itu kehairanan dan hampir-hampir tidak percaya dengan kata-kata Abu Ya’qub itu. Mereka bertanya: “Kalau begitu, bagaimana pengurniaan itu lahir daripada tanganmu itu?”

“Saya hanya bertawassul atas nama Nabi Allah Muhammad *Sallallahu ‘alaihi wasallam* supaya tidak memalu dan menghinakan saya dan agamaNya di hadapan kamu berdua, bahawa saya ini orang yang tiada apa-apa di sisi Allah, lalu permohonan saya itu rupa-rupanya telah dikabulkan oleh Allah yang Maha Kuasa”, jawab Abu Ya’qub berterus terang.

Kedua-dua pendeta itu mengangguk angguk tanda puas hati dan setuju dengan kata-kata Abu Ya’qub itu lalu berkata: “Jadi, kalau begitu, agama

Muhammad itulah agama yang benar di sisi Allah, dan tentulah Nabi Muhammad itu seorang manusia agung di sisi TuhanNya. Kami tidak tahu, apa yang kami lakukan selama ini rupa-rupanya hanyalah sebahagian kecil ilmu yang dianugerahiNya. Oleh itu bersaksikan engkau, langit dan bumi, kami berdua ingin memeluk agama itu dan menyaksikan bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan bahwasannya Muhammad itu adalah pesuruh Allah.”

Kedua-kedua pendeta Yahudi tadi telah memeluk agama Islam, dan mereka bertigapun terus berangkul-rangkuluan. Kasih sayang Islam telah meresapi hati-hati mereka. Kemudian, mereka sama-sama menuju ke Makkah Al-Mukarramah. Moga-moga Allah memuliakan tanah suciNya. Mereka tinggal di sana buat sementara waktu tanda syukur mereka di atas apa yang berlaku. Setelah itu baru mereka menuju ke Syam. Dari situ mereka berpisah, masing-masing kembali ke negeri asalnya.

Pemergian dan kesesatan Abu Ya’qub di perjalanan tengah padang pasir yang luas itu, rupanya membawa hikmat yang sangat besar kepada diri beliau yang sama sekali tidak terbayang olehnya. Dengan peristiwa itu, sedarlah beliau betapa mulianya agama Islam itu di sisi orang yang mengerti, dan betapa tingginya darjat Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* di sisi Allah *Subhanahu wata’ala*.

Demikianlah pengislaman dua orang pendeta yang telah disentuh hati mereka oleh sedikit cahaya keimanan, yang mana dengan keimanan yang sedikit itu, mereka dapat melihat jalan kebenaran. Tetapi kita wahai Muslim yang lalai! Usia kita semakin hari semakin berkurangan, namun sebahagian kita masih bergelumang dengan maksiat dan dosa, padahal waktu kita telah hilang dalam kerugian. Peluang untuk bertaubat dan membersihkan diri masih terbuka luas pintunya. ■

Dipetik daripada kitab Raudhur Rayyahin Fi Hikayatis Shalihin.

(Dari muka 8)

membawa erti yang besar kepada wanita. Sayidatina Aisyah *Radhiallahu ‘anha* berkata : “ Wahai kaum wanita! Seandainya kamu mengerti kewajipan terhadap suamimu, tentu seorang isteri daripada kamu akan bertindak menyapu debu dari telapak kaki suaminya dengan sebahagian mukanya.”

Keempat : Mendapat keredhan Allah

Isteri yang mentaati suami dan melayaninya dengan baik akan mendapat rahmat dan redha Allah. Seluruh makhluk juga turut beristighfar dan mendoakannya. Sebaliknya, jika tidak dapat berbuat begitu Allah pula akan melaknatinya. Sabda Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud: “ Wanita yang taat akan suaminya, semua burung-burung di udara, ikan di air, malaikat di langit, matahari dan bulan semuanya beristighfar baginya selama mana dia masih taat kepada suaminya dan diredhainya serta menjaga sembahyang dan puasanya.”

Jelas dari hadis ini mentaati dan melayani suami menjadi faktor untuk seorang isteri itu mendapatkan keredaan Allah. Sebab redha suami bererti mendapat keredaan Allah, kemarahan suami bererti kemurkaan Allah.

Kelima : Merebut ganjaran pahala

Suami menjadi saluran bagi isteri untuk mengaut ganjaran pahala dan kebaikan dengan sebanyak-banyaknya hanya dengan mentaati dan melayaninya dengan sebaik mungkin. Setiap layanan dan kebaikan yang dibuat untuk suami, Allah telah janjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda dan nikmat syurga yang maha hebat.

Banyak hadis-hadis yang membawa perkhabaran tentang kelebihan dan keistimewaan yang boleh diperolehi oleh isteri yang berkhidmat kepada suaminya. Antaranya sabda Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud: “Wahai Fatimah, mana-mana wanita yang melayani suaminya, meminyakkan rambut dan janggut suaminya, memotong misai dan mengerat kuku-

nya, maka Allah akan memberinya minum air susu dari sungai-sungai syurga dan diringankan Allah baginya sakaratul-maut dan akan didapatinya kubur menjadi sebuah taman dari taman-taman syurga dan dicatatkan Allah baginya kelepasan dari api neraka dan selamatlah dia melintasi titian Sirat.”

Begitu juga isteri boleh dapat pahala berjihad di jalan Allah hanya dengan melayan suaminya. Sabda Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud : “ Mana-mana isteri yang merelakan dirinya dijemak oleh suaminya pada malam Jumaat, pahalanya sama seperti orang yang berjuang di medan perang.”

Demikianlah balasan dan ganjaran bagi para isteri yang mentaati dan melayani suami mereka dengan sebaik-baiknya. Sebenarnya bukanlah sukar untuk mendapat dan merebut ganjaran tersebut, apa yang penting bagi kaum isteri tanamkanlah sifat menghormati suami dengan mentaati dan melayaninya dengan sebaik mungkin. ■

(Dari muka 1)

Perhimpunan dan perarakan telah diadakan pada hari Isnin 12 Rabiulawal, 1422 bersamaan dengan 4 Jun 2001 di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien.

Majlis pada hari itu dimulakan dengan bacaan surah al-Faatihah diketuai oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan. Kemudian diikuti oleh sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam tahun 1422 / 2001 Masehi.

Di majlis perhimpunan dan perarakan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah disembah-kenalkan dan berkenan menerima junjung ziarah ketua-ketua pasukan yang mangambil bahagian dan berkenan mengepalai perarakan yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien.

Sebelum perarakan bermula, Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan dan selawat 3 kali di ketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Berangkat sama di majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengepalai Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam. Berangkat sama ialah anakanda-anakanda dan adinda baginda.



Pasukan-pasukan yang mengambil bahagian meliputi lapisan masyarakat Islam di negara ini tanpa mengira usia.

Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Seramai lebih 35 ribu umat Islam telah menyertai perhimpunan dan perarakan tersebut yang terdiri daripada

kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, swasta, institusi pendidikan dan persatuan-persatuan.

Tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* pada tahun ini ialah Maju Bangsa Sejahtera Negara Berlandaskan Ajaran Islam.

Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Alamat: Tingkat 3, Bangunan Pejabat Ugama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8510, Brunei Darussalam.

Telefon: 02-235121, 02-224955 Fax: 02-235120

Website: www.brunet.bn/gov/mufti E-mail: mufti@brunet.bn dan Fatwa@brunet.bn